



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 33/2009**

**Memindahkan Rekod Pejabat Pendaftar Dan Pejabat Tanah  
Ke Arkib Negara**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 33/2009**

**Memindahkan Rekod Pejabat Pendaftar Dan Pejabat Tanah Ke Arkib Negara**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pendaftar-pendaftar hakmilik dan Pentadbir-pentadbir Tanah berkenaan pemindahan rekod-rekod Pejabat Pendaftar dan Pejabat Tanah ke Arkib Negara mengikut kehendak-kehendak Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629].

2. Dalam menjalankan kehendak-kehendak Akta Arkib Negara, adalah menjadi keperluan untuk pegawai-pegawai memindahkan rekod-rekod awam di bawah subseksyen 28(1) dan (2) Akta Arkib Negara ke Arkib Negara. Namun demikian, di bawah seksyen 375 KTN memeruntukkan seperti berikut:

“375. (1) Registrar shall be responsible for the safe keeping of –

- a) Every register of title maintained under this Act or any previous land law by him or any predecessor in office;
- b) All instruments registered under the Act or any previous land law field in the Registry or land office in question; and
- c) All other instruments, and all books and other records including digital data and information on any matters virtually stored in the land database of land Registry and the Disaster Recovery Centre, required by or under this Act or any previous land law to be filed or kept in that Registry or Land Office.

(2) No register instrument, book or other record including digital data and information on any matters virtually stored in the land database of land Registry and the Disaster Recovery Centre for the safe keeping of which the Register is responsible as aforesaid shall be removed from the Registry or Land Office except pursuant to an order of the Court or a Judge or under the direction in writing of the State Authority or State Commissioner.”

3. Berdasarkan peruntukan Kanun Tanah Negara di atas, dokumen-dokumen yang dinyatakan di bawah seksyen 375 tidak boleh dipindahkan ke Arkib Negara.

4. Di samping itu rekod-rekod yang tersebut di bawah ini (yang tidak termasuk dalam jenis-jenis dokumen yang dimasukkan oleh seksyen 375 Kanun Tanah Negara) patut dikecualikan daripada-daripada kehendak-kehendak subseksyen 28(1) dan (2) Akta Arkib Negara dan tindakan bolehlah diambil di bawah subseksyen 28(3) Akta yang sama untuk menanggukkan pemindahannya ke suatu masa yang tidak ditetapkan:-

- i) Dokumen, suratcara, daftar dan lain-lain rekod di Pejabat Pendaftar atau di Pejabat Tanah.
- ii) Di negeri-negeri Pulau Pinang dan Melaka, suratcara-suratcara, dokumen-dokumen dan rekod-rekod yang telah disimpan di Pejabat Pendaftaran di bawah '*Registration of Deeds Ordinance*' yang telah dimansuhkan dan yang sekarang ini disimpan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang dan Melaka.
- iii) Fail-fail Pejabat Tanah dan lain-lain rekod berhubung dengan pemberimilikan, pecah sempadan, pecah bahagian atau penyatuan tanah di mana dokumen hakmilik tetap belum didaftarkan.
- iv) Syit-syit piawai Pejabat Tanah dan rekod-rekod yang berkaitan dengannya.

6. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 15/1980 dengan ini dibatalkan.



**(DATO' ABD HALIM BIN AIN)**  
**Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**

No. Fail: JKPTG/101/KPU/779 Jld. 4  
Tarikh: 31 Disember 2009